

08 DEC 1997

## SEBAHAGIAN BESAR PROTON CITY DITANGGUHKAN

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Sebahagian besar projek Proton City di Behrang, Perak akan ditangguhkan sepertimana projek besar yang lain yang telah ditangguhkan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini bahawa "banyak projek besar telah ditangguhkan, projek pembinaan yang tidak strategik yang sedang dilaksanakan akan ditangguhkan (dan) ini termasuk cadangan projek besar Proton City di Perak yang kini dikaji semula dan sebahagian besar projek itu akan turut ditangguhkan."

Projek Proton City yang akan menelan belanja RM230 juta itu akan menjadi bandar raya "kembar" dengan Toyota City di Jepun dan merupakan projek usaha sama antara Proton dan kerajaan negeri Perak.

Ia akan menjadi sebuah pusat industri kereta yang akan mengeluarkan model kereta 1300cc dan 1800cc untuk pasaran tempatan dan eksport. Ia juga akan menjadi pusat pemasangan kereta Lotus di Malaysia.

Proton City yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 23 Mac tahun lepas, dijadualkan siap pada 1998/99 dan akan mengeluarkan kira-kira 150,000 unit kereta setahun apabila fasa pertama mula beroperasi pada tahun 2000.

Anwar menambah semua pengumuman projek baru dan pembelian peralatan yang melibatkan kewangan kerajaan tidak akan dianggap sah selagi ia tidak diluluskan oleh Kabinet.

Beliau juga berkata kerajaan akan mengawasi setiap rancangan pelaburan syarikat-syarikat yang diberi projek penswastaan supaya dasar penswastaan kerajaan tidak terpesong daripada matlamatnya.

Ini adalah kerana ada syarikat yang diberi projek penswastaan memasuki bidang-bidang pelaburan yang tidak ada kaitan dengan perniagaan utama mereka, tegas beliau.

"Akibatnya mereka melalui tekanan kewangan yang boleh menjejaskan sistem kewangan negara," katanya.

Bagaimanapun, beliau menekankan bahawa dasar penswastaan telah berjaya mengurangkan beban kewangan kerajaan dan berjaya mempercepatkan penyiapan projek.

Penswastaan lebuhraya kepada Projek Lebuhraya Utara Selatan Bhd (PLUS) merupakan satu kejayaan kepada negara kerana ia memberikan kemudahan prasarana yang cukup baik dan keselesaan kepada rakyat, tambahnya.

Menyentuh mengenai cadangan pembelian saham Renong Bhd oleh United Engineers (Malaysia) Bhd, yang dibangkitkan oleh ketua pembangkang Lim Kit Siang, Anwar berkata isu itu telah dibahaskan dan ia kini di peringkat akhir siasatan Suruhanjaya Sekuriti.

Mengenai usul pembangkang supaya langkah-langkah tambahan yang diumumkan oleh Menteri Kewangan Jumaat lalu dibahaskan selama empat hari di Dewan Rakyat, Anwar berkata "kalau ditanya oleh ketua pembangkang mengapa kita buat penyesuaian saya jawab, inilah kekuatan kerajaan Barisan Nasional. Kalau disuruh buat penyesuaian untuk kukuhkan ekonomi kita, kita buat."

"Kita mahu tunjukkan kepada negara maju dan rakyat bahawa hal ini serius, dan kita mahu tangani, kita tidak mahu mudah menyerah kerana kekuatan asas ekonomi kita kukuh."

Anwar berkata kerajaan akan membentangkan semula belanjawan sekiranya Belanjawan 1998 ditambah, tetapi kali ini belanjawan hendak dikurangkan.

Mejawab soalan Kit Siang kenapa baru sekarang langkah-langkah itu hendak di ambil, Anwar berkata "dalam bulan Julai telah berlaku kekecohan mata wang baht, siapa yang boleh menjangka apa yang berlaku di dalam bulan Mei, apa yang berlaku di dalam bulan Julai di Thailand. Siapa yang boleh jangka dalam tempoh yang singkat kejatuhan ekonomi dan krisis kewangan berlaku di Korea Selatan."

Mengenai dasar pertukaran asing, Anwar berkata Malaysia akan terus mengamalkan dasar pertukaran asing yang fleksibel. Malaysia juga akan terus mengamalkan sistem pasaran dan tidak bercadang untuk mengenakan sebarang bentuk kawalan ke atas pertukaran mata wang asing, katanya.

"Adalah dijangkakan apabila ketidakstabilan nilai mata wang berakhir, kadar pertukaran akan menuju ke paras yang lebih realistik mencerminkan kekukuhan asas-asas ekonomi," katanya.

Sementara itu, Anwar berkata dalam ucapannya bahawa dana sebanyak RM1 bilion akan disediakan oleh sektor pembuatan, termasuk industri kecil dan sederhana agar menjadi lebih produktif dan mampu bersaing dengan lebih hebat di dalam dan luar negara. -- BERNAMA

MK JR SIA